

Dialek Melayu Sarawak: Kelainan Semantik

MARY FATIMAH HAJI SUBET¹
DAYANG SARIAH ABANG SUHAI²
NUR ARDINI JIAN ABDULLAH @ ELMIE³
SALBIA HAJI HASSAN⁴

Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS),
94300, Kota Samarahan, Sarawak

¹sufatimah@cls.unimas.my, ²asdsariah@cls.unimas.my,
³jelmie@cls.unimas.my, ⁴hsalbia@cls.unimas.my

Abstrak Dialek ialah kelainan bahasa yang dituturkan oleh sesebuah kelompok masyarakat. Di Malaysia, dialek yang dituturkan berbeza berdasarkan faktor geografi. Setiap daerah atau kawasan mempunyai dialek masing-masing. Dialek Melayu Sarawak (DMS) merupakan dialek yang paling besar perbezaannya dengan dialek-dialek Melayu lain di Malaysia. Banyak perkataan dalam DMS yang sangat berbeza dengan dialek-dialek Melayu di Semenanjung dan Sabah. Integrasi kaum antara penduduk Malaysia telah lama terlaksana. Terdapat banyak aktiviti ke arah mengintegrasikan penduduk ini. Salah satu cara yang diaplikasikan ialah melalui pemahaman terhadap makna atau semantik sesuatu bahasa yang dituturkan. Walau bagaimanapun, masih terdapat penduduk dari Semenanjung Malaysia dan Sabah yang keliru dengan makna perkataan DMS dengan Bahasa Melayu Standard (BMS). Ekoran itu, berlaku salah faham, salah sangka, kegagalan menyampaikan maksud sebenar, prejudis dan sebagainya. Hal ini dikhuatiri akan merencatkan konsep perpaduan kaum yang cuba dipertahankan. Hal ini perlu dicari jalan penyelesaiannya. Salah satu cara penyelesaiannya ialah kedua-dua penutur dan pendengar harus mempunyai sikap saling memahami terhadap bahasa yang dituturkan. Di sinilah, kajian rintis yang menggariskan kosa-kosa kata dalam DMS yang mempunyai persamaan dan perbezaan dari segi semantikanya dengan BMS dilaksanakan. Pengumpulan kosa-kosa kata ini akan mengambil masa, namun kajian rintis ini nanti akan menjadi pemula kepada kajian lanjutan yang bersifat saintifik. Pengumpulan kosa-kosa kata tersebut adalah berdasarkan acuan semantik dan kajian ini nanti akan dapat mengelak kekeliruan dan kecelaruan semantik daripada berlaku.

Kata Kunci: kelainan bahasa, Dialek Melayu Sarawak, semantik, Bahasa Melayu Standard, 1Malaysia

***Abstract** Dialect is a language variation that is spoken by a particular language community. In Malaysia, spoken dialects differ according to geographical factors. Each district or area has its own dialect. The Sarawak Malay dialect (DMS) has prominent differences from other dialects in Malaysia. There are many words in DMS that varies from Malay words commonly used in Peninsular Malaysia and Sabah. Integration between races in Malaysia has long been established. Many activities are necessary to achieve this integration. One such way is via the understanding of meaning and semantics across the spoken dialects. Nonetheless, some Malaysians domiciled in Peninsular Malaysia and Sabah still have difficulty understanding the meaning of words in DMS and the standard Malay language (BMS). Hence, misunderstandings and misinterpretations do occur leading to*